

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 OGOS 2025
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA : 2
SURAT

Harapan dan realiti RMK13

Dalam Negeri

Minda Pengarang

HADI AB. MANAP

Harapan dan realiti RMK13

SEMALAM, satu bab penting dalam sejarah pembangunan negara dibuka apabila Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dibentangkan di Parlimen. Lebih daripada sekadar dokumen rasmi, RMK13 adalah nadi kepada hala tuju Malaysia bagi tempoh lima tahun akan datang (2026-2030).

Ini adalah kesinambungan kepada Ekonomi Madani dengan misi jelas membina ekonomi berdaya tahan, hijau dan inklusif sambil memastikan rakyat tidak tercalar dalam arus kemajuan.

Menurut analisis NMB Securities, kerajaan dijangka membelanjakan purata RM88 bilion setahun untuk pembangunan iaitu kira-kira 10 peratus lebih tinggi berbanding RMK12. Ini bukan angka kecil, ia mencerminkan komitmen serius untuk melonjakkan ekonomi negara, di kala dunia bergelut dengan ketidakstabilan global.

Persoalan besar timbul, mampukah pelaburan itu diterjemahkan kepada projek sebenar di lapangan? Segalanya bergantung kepada kecekapan pelaksanaan, kelulusan pantas dan penyelarasan antara agensi.

Menariknya, bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Mohd. Rafizi Ramli yang sebelum ini melahirkan kebimbangan terhadap kemungkinan rombakan saat akhir terhadap dokumen RMK13, akhirnya menyuarakan kelegaan. Hampir 95 peratus kandungan kekal dalam versi yang dibentangkan termasuk reformasi pendidikan, pemerkasaan struktur ekonomi dan pelan menghadapi cabaran populasi menua.

Ini memberi gambaran bahawa peralihan tampuk kepimpinan tidak menjejaskan konsistensi dasar, satu perkembangan positif untuk kesinambungan jangka panjang.

Jumlah pelaburan diperlukan dalam RMK13 mencecah RM611 bilion. Ia menggunakan RM430 bilion daripada peruntukan kerajaan, RM120 bilion daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan RM61 bilion melalui keredah Perlonggaran Awan Swasta (PPF).

RMK13 dibentangkan dalam dunia yang tidak menentu, ketegangan geopolitik, gangguan rantaian bekalan dan perubahan iklim boleh menggagalkan pelan paling sempurna sekalipun, jika tiada strategi mitigasi proaktif.

Kelemahan dalam pelaksanaan seperti birokrasi dan kelewatan kelulusan projek pernah menyebabkan dana pembangunan terbuang dan projek terbengkalai. Ini bukan isu baharu. Banyak Kementerian dilaporkan lambat meluluskan projek walaupun dana telah diperuntukkan, menyebabkan pelaksanaan tergendala.

Namun begitu, ada sinar di hujung terowong. Sepanjang RMK12, Malaysia mencatat purata pertumbuhan tahunan 5.2 peratus, hampir mencapai sasaran antara lima hingga enam peratus. Ini menunjukkan asas ekonomi kita kukuh.

RMK13 ialah jalan yang penuh peluang dan juga ranjau. Dengan pelan pelaburan berani, asas ekonomi yang mantap dan dasar yang konsisten, Malaysia berada pada kedudukan baik untuk melangkah ke hadapan.

Segalanya bergantung kepada satu perkara iaitu pelaksanaan yang cekap dan berintegriti. Jika kerajaan mampu menanganai cabaran ditaman, memperketat birokrasi dan benar-benar mendengar suara rakyat, maka RMK13 bukan sekadar akan berjaya.

Hadi Ab. Manap ialah Penolong Pengarang Berita Utusan Malaysia.

PEMBENTANGAN RMK13

TIGA DIMENSI

- Berpendapatan tinggi dan mampan
- Kehidupan bermutu dan terangrum
- Alam sekitar lestari

EMPAT TONGGAK

- Meningkatkan kerencaman ekonomi
- Meningkatkan mobiliti sosial
- Mempercepat pelaksanaan agenda reformasi perkhidmatan awam
- Mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar

SEMBILAN TUMPUAN

- Menuju Negara Berteraskan Kecerdasan Buatan
- Melanjutkan Pertumbuhan Industri HGV dan Sektor Strategik
- Menangani beban kos sara hidup
- Menyambungkan Kemajuan Ekonomi antara Wilayah dan Mengukuhkan Pembangunan Luar Bandar
- Memperhebat Penglibatan dan Peranan Malaysia di Persada Ekonomi Dunia
- Merekayasa Sistem Sosial Berteraskan Insan MADANI
- Meningkatkan Mutu Kehidupan Rakyat
- Memastikan Perkhidmatan Telus, Tangkas dan Tuntas
- Mencapai Keadilan Sosial dan Kesaksamaan Peluang

SASARAN KEBERHASILAN EKONOMI 2030

- Sasaran KDNK 4.5%-5.5% setahun
- Ekspor kasar 5.8% setahun
- Defisit fiskal di bawah 3% kepada KDNK
- PNK per kapita meningkat RM77,200 kepada KDNK
- Kadar inflasi 2%-3%



ORANG ramai menyaksikan pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sebuah restoran di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

Waktu Solat		Renungan				
	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK	
Kangar	6:01	1:27	4:47	7:38	8:52	"Sesungguhnya Akulah Allah; tiada tuhan melainkan Aku; oleh itu, sembahlah aku Daku, dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati Daku." - Surah Taha Ayat 14
Alor Setar	6:01	1:27	4:47	7:38	8:51	
Pulau Pinang	6:03	1:27	4:48	7:37	8:50	
Ipoh	6:02	1:25	4:46	7:33	8:46	
Kuala Lumpur	6:01	1:22	4:43	7:30	8:42	
Shah Alam	6:01	1:22	4:43	7:30	8:42	
Johor Bahru	5:55	1:14	4:35	7:18	8:31	
Kuantan	5:56	1:17	4:38	7:23	8:36	
Seremban	6:01	1:21	4:42	7:27	8:40	
Bandar Melaka	6:00	1:20	4:41	7:26	8:38	
Kota Bharu	5:54	1:20	4:40	7:30	8:39	
K. Terengganu	5:52	1:16	4:36	7:25	8:38	